

Pelajar kita di Australia masih caci nama negara

18H 27 SEP 1975

Oleh NORDIN MUHAMAD

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Setengah-setengah penuntut Malaysia di Australia masih menjalankan kegiatan memburuk-burukkan nama negara mereka sendiri, demikian menurut Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamed, hari ini.

Mereka terikut-ikut dan terpengaruh dengan kegiatan penuntut-penuntut Australia yang kebanyakannya berfahaman kiri.

"Penerangan - penerangan sukar diberikan kepada penuntut kita di sana, kerana mereka lebih terpengaruh dengan kegiatan penuntut Australia," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, keadaan itu wujud disebabkan kesatuan-kesatuan pelajar di Australia mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan mereka memblayai kegiatan tersebut.

Dalam satu pertemuan khas dengan Berita Harian, beliau berharap penuntut-penuntut Malaysia di sana dengan



DR. MAHATHIR

sendirinya akan menyedari perbuatan salah mereka.

Dr. Mahathir berkata, "Kerajaan memang bercadang untuk mengambil tindakan ke atas mereka itu."

Beliau memberitahu, sebuah pusat pelajar yang baru telah ditubuhkan di Sydney dan beberapa buah lagi di tempat-tempat lain di Australia bagi memberi kemudahan kepada penuntut Malaysia di sana.

Sebaliknya Dr. Mahathir berpuashati dengan penuntut Malaysia di New Zealand. "Kegiatan mereka memburuk-burukkan Malaysia telah banyak berkurangan," katanya.

Katanya, ini adalah disebabkan mereka telah mendapat penerangan yang cukup jelas mengenai keadaan dalam negara ini dari pihak Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di sana.

Dr. Mahathir baru beberapa hari lalu menerima maklumat mengenai kegiatan penuntut Malaysia di New Zealand dari Pesuruhjaya Tinggi Malaysia.

Pekerjaan

Menurut beliau, penuntut Malaysia di New Zealand khatir mereka tidak akan mendapat pekerjaan apabila kembali ke tanah air kelak.

Tegasnya, peluang pekerjaan di Malaysia tidak terhad di jabatan-jabatan Kerajaan sahaja, tetapi juga di kalangan swasta.

"Di masa-masa lalu, saya mendapati semua mereka yang pulang dari menuntut di New Zealand dan lain-lain negara mendapat pekerjaan," ujarnya.

Dr. Mahathir tidak fikir orang-orang yang mempunyai kelulusan ijazah tidak mendapat pekerjaan di Malaysia, tetapi mungkin mengambil masa sedikit.

Katanya, kira-kira 2,000 orang penuntut Malaysia sedang belajar di New Zealand dan 95 peratus daripadanya pelajar China dan 25 peratus menerima bantuan biasiswa Kerajaan.

Penuntut Bumiputra pula seramai 70 orang, 68 orang menerima biasiswa kerajaan dan dua orang sahaja belanja sendiri.

Dari perangkaan di atas, tambahnya, penuntut Bumiputra tidak mampu melanjutkan pelajaran ke luar negeri tanpa bantuan biasiswa, tidak seperti penuntut China.

"Ini menunjukkan kedudukan ekonomi kita tidak seimbang, dan dalam memperbaikinya, kita memberi pertolongan kepada Bumiputra," ujar beliau.